

## Dari Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu: Penstrukturan Pentadbiran dan Pembentukan Asas Kemerdekaan, 1946–1949

*From the Malayan Union to the Federation of Malaya: Administrative Structuring and the Formation of the Foundations of Independence, 1946–1949*

MUHAMMAD NAIM FAKHIRIN REZANI

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

E-mail: [naimfakhirin@usm.my](mailto:naimfakhirin@usm.my)

Received: 24 February 2026 ; Accepted: 10 Mac 2026

### ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menganalisis proses penstrukturan semula pentadbiran dari 1946 hingga 1949 dengan menumpukan kepada perubahan yang berlaku dari Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu. Perubahan tersebut merangkumi struktur pentadbiran, hubungan pusat-negeri dan reformasi prinsip kewarganegaraan. Secara khusus, kajian ini menilai mengenai Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditubuhkan sebagai struktur pentadbiran bersifat 'kompromi politik' yang mengimbangi kepentingan kolonial British, institusi Raja-raja Melayu dan tuntutan politik tempatan. Penubuhan struktur pentadbiran tersebut tidak melihat perubahan dasar dari Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu, tetapi sebagai sebuah proses pembentukan asas kenegaraan yang kemudiannya membawa kepada kemerdekaan negara pada 1957. Metodologi kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen rasmi seperti kertas putih British dan rekod Colonial Office. Analisis perbandingan struktur pentadbiran Malayan Union dan Persekutuan 1948 dilakukan bagi mengenal pasti perubahan institusi secara sistematik, khususnya dalam dimensi sentralisasi kuasa, legitimasi politik dan pembahagian bidang kuasa antara pusat dan negeri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Persekutuan Tanah Melayu bukan sekadar reaksi terhadap penentangan Melayu, tetapi bentuk kompromi kuasa yang lebih berlegitimasi dan berakar pada struktur tradisional tempatan. Pemulihan peranan Raja-raja Melayu, pengenalan sistem federal yang lebih seimbang serta perubahan prinsip kewarganegaraan mewujudkan asas institusi yang lebih stabil. Struktur tersebut kemudiannya menjadi tapak rundingan politik antara kaum dan membuka laluan kepada pilihan raya serta kemerdekaan. Oleh itu, Persekutuan 1948 harus difahami sebagai asas institusional kepada pembinaan negara bangsa, bukan sekadar pengganti kepada Malayan Union yang gagal.

*Kata kunci:* British; kolonialisme; desentralisasi; masyarakat Melayu; politik

### ABSTRACT

This article aims to analyse the process of administrative restructuring from 1946 to 1949 by focusing on the changes that occurred from the Malayan Union to the Federation of Malaya. These changes include administrative structure, central-state relations and reform of citizenship principles. Specifically, this study assesses the 1948 Federation of Malaya established as an administrative structure of 'political compromise' that balanced British colonial interests, the institution of the Malayan Kings and local political demands. The establishment of the administrative structure does not see the change from the Malayan Union to the Federation of Malaya as simply involving policy correction, but as a process of forming the foundations of statehood which later led to the country's independence in 1957. The methodology of this study is based on a qualitative approach through the analysis of official documents such as British white papers and Colonial Office records. A comparative analysis of the administrative structures of the Malayan Union and the 1948 Federation was carried out to identify systematic institutional changes, particularly in the dimensions of centralisation of power, political legitimacy and the division of jurisdiction between the centre and the states. The study findings show that the Federation of Malaya was not simply a reaction to Malay opposition, but a form of power

*compromise that was more legitimate and rooted in traditional local structures. The restoration of the role of the Malay Kings, the introduction of a more balanced federal system and changes in citizenship principles created a more stable institutional basis. This structure then became a site for political negotiations between the races and paved the way for elections and independence. Therefore, the 1948 federation should be understood as the institutional basis for nation-building, not simply a successor to the failed Malayan Union.*

*Keywords: British; colonialism; decentralization; Malay society; politics*

## PENGENALAN

Peralihan politik antara 1945 hingga 1949 merupakan fasa penting yang menjadi signifikan terhadap sejarah Tanah Melayu. Walaupun fasa tersebut berlaku dalam tempoh yang singkat, namun peristiwa yang berlaku iaitu perubahan struktur, Tanah Melayu menyaksikan kerangka pentadbiran kolonial lama digantikan dengan pengenalan sistem pentadbiran baharu iaitu Malayan Union (Keo, 2025). Selain itu, dalam tempoh yang singkat turut memperlihatkan British mengubah pentadbiran baharu melalui penubuhan semula pentadbiran bentuk federal melalui Persekutuan Tanah Melayu. Tempoh ini bukan sekadar peristiwa pertentangan politik antara British dan masyarakat tempatan, tetapi episod transformasi institusi yang membentuk asas kenegaraan menjelang kemerdekaan 1957.

Kekalahan Jepun pada Ogos 1945 menamatkan pendudukan ketenteraan dan membuka ruang kepada British untuk kembali mentadbir Tanah Melayu. Pentadbiran tentera British melalui *British Military Administration* (BMA) ditubuhkan sebagai kerajaan sementara untuk memulihkan keamanan, menstabilkan ekonomi dan menyusun semula pentadbiran awam (CO 875/292, 1949). BMA berfungsi dalam suasana kekurangan sumber, ketegangan antara kaum, serta kebangkitan kesedaran politik baharu yang berkembang sepanjang zaman pendudukan Jepun (CO 537/1572, 1946). Dalam konteks tersebut, British melihat keperluan untuk menstruktur semula pentadbiran Tanah Melayu secara lebih sistematik dan berpusat. Rasional utama pengenalan Malayan Union adalah untuk menyatukan negeri-negeri Melayu melalui sebuah pentadbiran pusat yang lebih efisien, mengurangkan kuasa autonomi negeri, serta menghapuskan konsep dualisme pentadbiran antara Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (CO 537/2142, 1947). Proses pemusatan kuasa itu memudahkan kawalan politik dan pengurusan ekonomi pascaperang.

Selain itu, prinsip kewarganegaraan *jus soli* yang lebih terbuka diperkenalkan bagi meluaskan asas politik dan sosial masyarakat bukan Melayu,

khususnya masyarakat Cina dan India yang telah lama menetap di Tanah Melayu. British beranggapan bahawa pendekatan tersebut dapat membentuk identiti politik baharu yang lebih inklusif dan stabil. Namun, pelaksanaan dasar tersebut tanpa rundingan mendalam dengan elit tempatan, khususnya Raja-raja Melayu, menimbulkan reaksi penentangan yang kuat (CO 537/2142, 1947). Walaupun Malayan Union dirangka sebagai projek pembaharuan pentadbiran yang progresif dari sudut kolonial, namun pentadbiran baharu itu berdepan kegagalan legitimasi politik dan penentangan masyarakat Melayu.

Kegagalan tersebut menyebabkan berlakunya perubahan yang dilakukan oleh British iaitu peralihan pentadbiran daripada Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu. Tindakan tersebut menjadi peristiwa paling kritikal dalam sejarah pembentukan negara di Tanah Melayu (Lau, 1991). Ekoran daripada tindakan British itu, Persekutuan Tanah Melayu perlu difahami dalam kerangka yang lebih analitis. Persekutuan Tanah Melayu tidak wajar ditafsirkan sebagai kompromi politik bagi meredakan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union, tetapi perlu dinilai sebagai sebahagian daripada proses peralihan struktur kuasa kolonial ke arah pembentukan entiti politik yang lebih berinstitusi (CO 1071/245, 1947). Sekiranya Persekutuan Tanah Melayu dianggap hanya sebagai respons sementara terhadap tekanan politik, maka kedudukannya hanya terbatas kepada episod konflik antara pentadbiran kolonial dan masyarakat tempatan. Sebaliknya, apabila dianalisis sebagai usaha pembaharuan institusi yang berasaskan legitimasi politik seperti pemulihan kedudukan raja-raja Melayu, pengukuhan struktur Persekutuan dan perundingan antara elit, Persekutuan Tanah Melayu dapat dilihat sebagai asas penting kepada pembentukan negara bangsa yang akhirnya membuka jalan kepada kemerdekaan negara (CO 1071/245, 1947). Oleh itu, adalah menjadi objektif penulisan artikel ini untuk menganalisis proses pembentukan Persekutuan Tanah Melayu sebagai suatu bentuk pembaharuan institusi kolonial yang bukan sahaja bertujuan meredakan penentangan

terhadap Malayan Union, tetapi juga sebagai langkah strategik dalam penstrukturan semula kuasa politik yang akhirnya meletakkan asas kepada pembentukan negara bangsa dan kemerdekaan Tanah Melayu.

## KAJIAN LITERATUR

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang membincangkan sejarah politik dan perlembagaan Tanah Melayu pasca-Perang Dunia Kedua, beberapa kekurangan kritikal wujud dalam literatur sedia ada. Pertama, terdapat kurangnya analisis struktural terhadap perubahan institusi yang berlaku sepanjang tempoh 1946–1949. Majoriti kajian, seperti yang dilakukan oleh Albert Lau (1991), Rudner (2025) dan Fatimah Kuzi (2024) memberi tumpuan kepada kontroversi politik dan reaksi masyarakat Melayu terhadap Malayan Union, tetapi kurang meneliti secara mendalam bagaimana institusi pentadbiran dirangka semula, termasuk mekanisme birokrasi, peranan pentadbir British, dan interaksi antara kerajaan pusat dan negeri. Kekosongan tersebut menunjukkan pemahaman tentang proses transformasi institusi masih belum lengkap, khususnya bagaimana perubahan tersebut membentuk asas bagi pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu yang seterusnya.

Selain itu, kajian sedia seperti Nakamura (2026), Soda (2021) dan Keo (2025) tidak memperincikan mengenai proses pembentukan negara dalam konteks Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu. Walaupun terdapat tumpuan terhadap aspek politik, identiti dan kedaulatan, kurang perhatian diberikan kepada pembentukan institusi, undang-undang dan struktur pentadbiran menyumbang kepada pembentukan asas negara moden. Proses tersebut merangkumi aspek perlembagaan, kewarganegaraan, serta penyelarasan kuasa antara pusat dan negeri, merangkumi elemen-elemen kritikal yang mencorakkan pembentukan struktur negara yang stabil sebelum kemerdekaan pada 1957. Kekurangan tersebut menandakan bahawa literatur sedia ada lebih menekankan kontroversi politik dan pergerakan sosial, berbanding analisis sistematik terhadap evolusi institusi dan mekanisme negara.

Terdapat kajian sarjana terdahulu membincangkan kesan pelaksanaan Malayan Union terhadap kedudukan raja-raja Melayu dan masyarakat Melayu. Kajian oleh Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2025) meneliti implikasi Malayan Union terhadap kedudukan raja-raja

Melayu dari sudut perlembagaan, manakala Goh (2025) menumpukan kepada perubahan sosial dan dasar pentadbiran kolonial dalam tempoh tersebut. Selain itu, kajian oleh Mohd Rafiq Azfar et. al. (2024) membincangkan latar sejarah kontrak sosial serta kedudukan orang Melayu dalam perkembangan politik negara. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga kajian ini lebih menekankan kesan Malayan Union terhadap kedudukan raja dan masyarakat Melayu, dan kurang menilai Malayan Union sebagai asas kepada pembentukan struktur pentadbiran Tanah Melayu menjelang kemerdekaan. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi kelompongan tersebut dengan menilai Malayan Union sebagai sebahagian daripada proses pembentukan struktur pentadbiran negara.

Dengan itu, kajian ini berhasrat mengisi jurang tersebut dengan menumpukan kepada dua dimensi utama, iaitu analisis penstrukturan semula institusi pentadbiran daripada Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu, serta penilaian terhadap peranan perubahan institusi berkenaan dalam membentuk asas negara moden. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh pemahaman tentang evolusi sejarah pentadbiran di Tanah Melayu, malah menegaskan bahawa pengalaman peralihan tersebut merupakan platform kritikal yang menyediakan landasan awal ke arah kemerdekaan dan pembangunan negara.

## METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif bagi menelusuri serta menganalisis secara mendalam proses penstrukturan pentadbiran daripada Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh 1946 hingga 1949. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan penelitian yang bersifat kontekstual dan interpretatif terhadap dinamika institusi yang membentuk asas negara moden di Tanah Melayu. Tumpuan utama diberikan kepada analisis dokumen primer, khususnya laporan rasmi seperti Kertas Putih British dan rekod Colonial Office, yang menyediakan data empirikal berkaitan perancangan pentadbiran, dasar kewarganegaraan, serta konfigurasi hubungan antara kerajaan pusat dan negeri. Dokumen-dokumen ini dianalisis secara kritikal bagi menilai rasional dasar kolonial, struktur autoriti yang dicadangkan, dan perubahan kerangka perlembagaan yang diperkenalkan dalam tempoh

peralihan tersebut. Bagi melengkapkan analisis, kajian ini turut memanfaatkan sumber sekunder seperti akhbar yang diterbitkan dari dekad 1940-an hingga awal 1950-an iaitu *Utusan Melayu*, *Malaya Tribune* dan *News Straits Times*. Sumber tersebut berperanan memperkaya konteks sejarah serta menelusuri kesinambungan naratif politik dan pentadbiran yang berkembang dalam ruang awam, sekali gus membolehkan gabungan data antara rekod rasmi dan wacana masyarakat. Penggunaan sumber sekunder bukan sahaja membantu membandingkan tafsiran yang berbeza, malah membolehkan jurang kajian dikenal pasti dan membina kerangka analisis yang lebih komprehensif. Kesemua sumber primer dan sekunder tersebut dianalisis secara tematik bagi meningkatkan ketepatan interpretasi serta mengurangkan bias yang mungkin timbul daripada pergantungan kepada satu jenis sumber sahaja. Secara keseluruhannya, kaedah kajian itu menyediakan asas yang sistematik dan berautoriti untuk memahami Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu bukan sekadar peristiwa sejarah, tetapi sebagai manifestasi strategi kolonial dalam konteks negara bangsa dan merdeka.

#### DEFINISI TEORI PEMBENTUKAN NEGARA MERDEKA

Teori Pembentukan Negara Merdeka menyediakan kerangka analitikal yang penting untuk memahami transformasi politik Tanah Melayu dalam tempoh 1946 hingga 1949. Dalam konteks tersebut, peralihan daripada Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu bukan sahaja mencerminkan perubahan dasar kolonial, tetapi melibatkan proses pembinaan struktur autoriti politik yang menentukan bentuk negara pascakolonial. Teori tersebut menekankan bahawa pembentukan negara melibatkan usaha memusatkan dan membina keabsahan kuasa melalui struktur perlembagaan dan pentadbiran yang stabil (Nakamura, 2026).

Dalam literatur pembentukan negara, pemusatan kuasa ditafsirkan sebagai strategi awal bagi memperkukuh kawalan politik dan menyeragamkan pentadbiran melalui pentadbiran pusat. Proses tersebut lazimnya melibatkan pengurangan autonomi wilayah dan penyeragaman institusi bagi memastikan kestabilan serta kesinambungan pemerintahan (Edwards, 2023). Dalam konteks Eropah, pengalaman sejarah menunjukkan bahawa hubungan antara pusat dan wilayah sering dibentuk melalui rundingan dan penstrukturan semula kuasa. Contohnya, hubungan antara United Kingdom dan

Ireland memperlihatkan integrasi politik melalui *Acts of Union 1800* mengurangkan autonomi institusi Ireland dan meletakkannya di bawah Parlimen Westminster (Edwards, 2023). Kepelembagaan tersebut memperlihatkan bahawa pemusatan kuasa bukan sekadar langkah pentadbiran, tetapi melibatkan instrumen politik untuk membentuk struktur negara yang lebih terkawal dan tersusun. Justeru, dalam konteks Malayan Union, pendekatan pemusatan kuasa jelas kelihatan melalui penghapusan autonomi negeri-negeri Melayu dan penumpuan kuasa kepada Gabenor British. Rasionalnya adalah untuk mewujudkan pentadbiran yang seragam, cekap dan mudah dikawal selepas kekacauan Perang Dunia Kedua (CO 537/2142, 1947).

Namun begitu, teori pembentukan negara juga menyatakan pemusatan kuasa yang terlalu drastik menyebabkan berlakunya krisis legitimasi sekiranya tindakan itu tidak berakar pada struktur sosial dan tradisi politik tempatan. Dalam konteks Tanah Melayu, pengurangan kuasa Raja-raja Melayu dan pengenalan kewarganegaraan secara *jus soli* dilihat sebagai pencabulan terhadap struktur politik tradisional (CO 537/1572, 1946). Pekara tersebut menunjukkan proses pembentukan negara bukan sahaja mengenai kecekapan pentadbiran, tetapi turut berkait rapat dengan penerimaan sosial terhadap struktur kuasa baharu (Heywood, Whitham, 2023). Sebaliknya, model federalisme yang diperkenalkan melalui Persekutuan Tanah Melayu 1948 mencerminkan pendekatan yang lebih sesuai dengan situasi Tanah Melayu (Nakamura, 2026). Konsep federalisme membenarkan pembahagian kuasa antara pusat dan negeri, sekali gus mengiktiraf kepelembagaan sejarah dan politik wilayah. Dalam kerangka teori pembentukan negara, federalisme boleh dianggap sebagai mekanisme kompromi yang menyeimbangkan keperluan konsolidasi kuasa pusat dengan keperluan mengekalkan legitimasi tempatan (Heywood, Whitham, 2023). Dalam konsep Tanah Melayu, federalisme menjadi pentadbiran yang penting bagi mengembalikan semula peranan Raja-raja Melayu dalam struktur perlembagaan, tanpa menjejaskan kepentingan strategik British.

Di samping itu, teori pembentukan negara turut menggariskan persoalan legitimasi dan pembinaan autoriti politik. Sesebuah negara tidak hanya terbina melalui struktur undang-undang, tetapi melalui penerimaan masyarakat terhadap autoriti yang memerintah. Max Weber, misalnya, membezakan antara bentuk tradisional dan keabsahan situasi (Adair-Toteff, 2021). Dalam konteks Tanah Melayu, elemen tradisional berakar pada institusi kesultanan,

manakala keabsahan situasi diperkenalkan melalui pentadbiran kolonial dan sistem perlembagaan moden (Nakamura, 2026). Malayan Union gagal kerana pentadbiran tersebut menggantikan elemen tradisional dengan struktur keabsahan situasi tanpa proses perundingan yang memadai. Tindakan tersebut menimbulkan tentangan dari aspek perundangan. Sebaliknya, Persekutuan Tanah Melayu 1948 membina pengukuhan politik melalui pendekatan yang lebih berunding, dengan menggabungkan elemen tradisional (kedudukan Raja-raja Melayu) dan elemen moden (majlis perundangan, struktur federal). Gabungan tersebut seterusnya menghasilkan badan perundangan dan eksekutif yang lebih diterima oleh masyarakat tempatan.

Walaupun begitu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelaksanaan Malayan Union telah dianalisis terutamanya dari sudut kesannya terhadap kedudukan raja-raja Melayu dan masyarakat Melayu. Kajian oleh Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2025), Goh Ai Theng (2025) serta Mohd Rafiq Azfar et al. (2024) masing-masing menumpukan kepada implikasi perlembagaan, perubahan sosial dan perbincangan mengenai kontrak sosial dalam konteks politik Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak melihat Malayan Union sebagai kerangka asas yang membentuk struktur pentadbiran Tanah Melayu menjelang kemerdekaan. Oleh itu, kajian ini berusaha menilai Malayan Union dalam perspektif yang lebih institusional, iaitu sebagai asas kepada pembentukan bentuk pentadbiran negara sebelum mencapai kemerdekaan.

Oleh demikian, kerangka pembentukan negara memperlihatkan keperluan struktur pentadbiran sebagai syarat asas kestabilan politik. Negara yang gagal membina pentadbiran yang baik akan berdepan tentangan berterusan dan ketidakstabilan. Oleh itu, kompromi pentadbiran dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditafsirkan sebagai usaha strategik untuk membina autoriti politik yang lebih kukuh, sekali gus menyediakan landasan kepada perkembangan politik seterusnya, termasuk pilihan raya dan rundingan kemerdekaan (Muhammad Naim Fakhirin, 2025). Justeru, Teori Pembentukan Negara Merdeka membantu menjelaskan bahawa peralihan struktur pentadbiran dalam tempoh 1946-1948 bukan sekadar perubahan dasar kolonial, tetapi proses transformasi struktur kuasa. Pemusatan pentadbiran Malayan Union mencerminkan keabsahan situasi kuasa kolonial, manakala federalisme Persekutuan Tanah Melayu 1948 mencerminkan penyesuaian

terhadap realiti pentadbiran tempatan (CO 1030/356, 1957). Dalam erti kata lain, pembentukan negara di Tanah Melayu berlaku melalui proses perundingan antara kuasa pusat dan tradisi tempatan bagi menghasilkan struktur politik yang menjadi asas kepada negara merdeka pada 1957.

#### PENUBUHAN MALAYAN UNION SEBAGAI PROJEK DESENTRALISASI KOLONIAL

Penubuhan Malayan Union pada 1 April 1946 merupakan fasa penting dalam sejarah penstrukturan semula politik Tanah Melayu pasca-Perang Dunia Kedua. Langkah tersebut merupakan projek pemusatan kuasa kolonial yang dirangka oleh British di London bagi menyatukan pentadbiran negeri-negeri Melayu melalui sistem pusat yang lebih tersusun dan seragam (CO 882/17, 1940). Dalam kerangka tersebut, seorang Gabenor British dilantik sebagai kuasa eksekutif tertinggi, sekali gus memusatkan kedudukan politik di tangan pentadbiran colonial (CO 537/2142, 1947). Struktur baharu tersebut menyatukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu melalui sebuah entiti politik tunggal, dengan tujuan meningkatkan kecekapan dan memudahkan kawalan pentadbiran (CO 537/1566, 1946). Namun demikian, penyusunan tersebut turut mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu secara signifikan, khususnya dalam hal ehwal pentadbiran dan kedaulatan negeri, sekali gus menjadikan sultan atau raja lebih bersifat simbolik berbanding sebelumnya.

Selain aspek struktur pentadbiran, prinsip kewarganegaraan yang diperkenalkan di bawah Malayan Union turut mencetuskan kontroversi besar. Dasar *jus soli* yang lebih terbuka membolehkan pemberian kewarganegaraan secara longgar kepada penduduk bukan Melayu yang lahir atau bermastautin di Tanah Melayu. Dari perspektif British, pendekatan tersebut bertujuan membentuk komuniti masyarakat yang lebih inklusif, selaras dengan idea pembinaan negara moden berasaskan kesamarataan undang-undang (CO 537/2142, 1947). Namun, dalam konteks masyarakat majmuk dan sejarah politik tempatan, dasar tersebut menimbulkan kebimbangan dalam kalangan orang Melayu terhadap implikasi demografi dan keseimbangan kuasa politik. Mereka melihatnya sebagai ancaman terhadap kedudukan tradisional Melayu dan institusi kesultanan yang sekian lama menjadi teras legitimasi politik (Lau, 1991).

Gabungan antara pemusatan kuasa dan dasar kewarganegaraan terbuka akhirnya mencetuskan krisis legitimasi yang mendalam. Penentangan orang Melayu berlaku secara meluas melalui demonstrasi, perhimpunan dan penolakan terhadap perjanjian yang ditandatangani oleh Raja-raja Melayu. Dalam konteks tersebut, penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada Mei 1946 menjadi titik penting mengenai gerakan politik Melayu yang tersusun dan berorganisasi (Muhammad Naim Fakhirin, 2025). Tekanan politik yang berterusan terhadap pentadbiran British menunjukkan bahawa pembentukan institusi moden tidak boleh dilaksanakan tanpa mengambil kira sumber legitimasi tradisional dan penerimaan masyarakat tempatan.

Hujah bahawa penubuhan Malayan Union merupakan projek desentralisasi kolonial dapat disanggah melalui beberapa kajian terdahulu. Kajian oleh Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2025) menunjukkan bahawa Malayan Union telah melemahkan kedudukan raja-raja Melayu melalui pemusatan kuasa di bawah pentadbiran British. Sementara itu, Goh Ai Theng (2025) menegaskan bahawa dasar pentadbiran kolonial ketika itu lebih bertujuan memperkukuh kawalan politik dan pentadbiran secara berpusat. Selain itu, kajian oleh Mohd Rafiq Azfar et al. (2024) turut menekankan kebimbangan masyarakat Melayu terhadap penghakisan kedaulatan politik Melayu. Oleh itu, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa Malayan Union lebih mencerminkan usaha pemusatan kuasa kolonial berbanding projek desentralisasi.

Oleh demikian, Malayan Union ditafsirkan sebagai tindakan penstrukturan pentadbiran kolonial yang gagal kerana terlalu menekankan rasionalisasi birokrasi dan pemusatan kuasa, tanpa mengambil kira unsur pentadbiran tradisional serta realiti sosiopolitik tempatan. Kegagalan tersebut bukan sahaja memperlihatkan batasan pendekatan kolonial dalam proses pembentukan negara, malah membuka ruang kepada model pentadbiran baharu yang lebih sesuai dengan realiti politik Tanah Melayu, yang kemudiannya dimanifestasikan melalui pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948.

#### PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 SEBAGAI LANGKAH BAHARU UNTUK PENTADBIRAN BERPUSAT

Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 merupakan titik perubahan penting

dalam proses membina semula institusi politik Tanah Melayu selepas kegagalan Malayan Union. Berbeza dengan pendekatan pemusatan pentadbiran sebelumnya, Persekutuan Tanah Melayu 1948 dirangka sebagai sebuah model pentadbiran yang bersifat kompromi dengan mengimbangi kepentingan pentadbiran kolonial dengan tuntutan politik dan legitimasi tradisional masyarakat tempatan (Kenneison, 2019). Perkara tersebut bukan sekadar penggantian struktur, tetapi suatu penyusunan semula asas hubungan kuasa antara pusat, negeri dan institusi kesultanan Melayu.

Antara perubahan paling signifikan ialah pemulihan kuasa Raja-raja Melayu terhadap pentadbiran Tanah Melayu. Melalui hubungan dengan Majlis Raja-Raja, institusi kesultanan untuk setiap negeri diberikan peranan yang lebih tersusun dalam kerangka persekutuan baharu. Walaupun kedaulatan negeri tidak dipulihkan sepenuhnya seperti sebelum perang, kedudukan Raja-raja Melayu diiktiraf secara lebih jelas dalam hal ehwal agama Islam dan adat Melayu, serta dalam proses perundangan tertentu (WO 203/5642, 1945). Pemulihan tersebut membawa makna simbolik dan politik yang besar kerana tindakan itu mengembalikan sumber legitimasi tradisional yang sebelum ini terhakis melalui dasar dan struktur pentadbiran Malayan Union (Lau, 1991). Justeru, struktur baharu itu lebih selari dengan realiti sejarah dan sensitiviti politik masyarakat Melayu.

Dari segi struktur pentadbiran, Persekutuan Tanah Melayu 1948 memperkenalkan konsep federalisme yang memperincikan pembahagian kuasa antara peringkat Persekutuan dan negeri. Berbeza dengan Malayan Union yang menumpukan pemusatan kuasa secara mutlak kepada Gabenor sebagai autoriti tertinggi dalam hierarki pentadbiran (CO 537/1566, 1946). Kuasa tertentu seperti pentadbiran tanah, adat istiadat Melayu dan hal ehwal agama diletakkan di bawah bidang kuasa negeri, manakala urusan strategik seperti pertahanan, kewangan dan hubungan luar negeri kekal sebagai prerogatif kerajaan pusat (CO 725/100/13, 1949). Pendekatan tersebut bukan sahaja mengurangkan sifat pemusatan kuasa yang keterlaluan, tetapi turut mencerminkan usaha menyeimbangkan keperluan integrasi politik dengan pemeliharaan autonomi negeri dalam kerangka Persekutuan.

Selain itu, pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1948 turut memperkukuh peranan Majlis Legislatif Persekutuan sebagai badan perundangan yang mengurus hal ehwal perundangan di peringkat

pusat dan bidang tertentu terhadap negeri-negeri Melayu dalam kerangka federalisme. Majlis tersebut menyediakan ruang perwakilan yang lebih tersusun dan formal dalam proses penggubalan undang-undang, khususnya melalui pelantikan wakil rasmi dan tidak rasmi yang mewakili kepentingan pelbagai kelompok (CO 725/100/13, 1949). Majlis tersebut dianggotai oleh wakil daripada komuniti Melayu, Cina dan India yang terdiri 75 orang ahli, iaitu tiga ahli *ex-officio*, 11 wakil dari negeri-negeri Melayu dan Negeri-Negeri Selat, 11 pegawai British, serta 50 ahli tidak rasmi. Pada peringkat awal, semua wakil dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British bagi Tanah Melayu, namun selepas 1955, seramai 52 ahli dipilih melalui pilihan raya (CO 323/1910/8, 1950).

Walau bagaimanapun, kuasa substantif masih banyak tertumpu kepada Pesuruhjaya Tinggi British serta struktur eksekutif kolonial, sekali gus menjadikan proses perundangan tersebut belum sepenuhnya mencerminkan prinsip demokrasi perwakilan yang tulen. Pegawai British terus menguasai pembentukan dasar utama dan keputusan strategik berkaitan pentadbiran Tanah Melayu, dengan Pesuruhjaya Tinggi berperanan sebagai autoriti tertinggi dalam cabang eksekutif (CO 323/1910/8, 1950). Situasi tersebut memperlihatkan walaupun wujud unsur perwakilan, ruang autonomi politik tempatan masih terhad dan tertakluk kepada kepentingan kolonial. Namun demikian, kewujudan dan pengoperasian majlis tersebut tetap menjadi perkembangan signifikan terhadap institusi politik Tanah Melayu. Perkara tersebut mencerminkan fasa peralihan daripada pentadbiran kolonial yang bersifat birokratik dan eksklusif kepada bentuk tadbir urus yang lebih tersusun berdasarkan perwakilan terpilih, rundingan antara komuniti dan melalui proses perundangan moden (CO 323/1910/8, 1950). Dalam konteks pembentukan negara pascakolonial, perkembangan ini boleh ditafsirkan sebagai tahap awal pembudayaan amalan deliberatif dan konsensus politik yang kemudiannya menjadi asas kepada struktur pemerintahan sendiri menjelang kemerdekaan.

Dalam aspek kewarganegaraan, Persekutuan Tanah Melayu 1948 memperkenalkan syarat baharu yang lebih ketat berbanding prinsip *jus soli* yang diamalkan di bawah Malayan Union. Kelayakan untuk memperoleh kewarganegaraan diperhalusi dengan menekankan tempoh pemastautinan yang lebih lama, keperluan menunjukkan kesetiaan kepada Persekutuan, penguasaan asas bahasa Melayu dan kewajipan mengangkat sumpah

taat setia (CO 323/1910/8, 1950). Pendekatan tersebut mencerminkan bentuk kompromi politik yang dirundingkan antara elit Melayu dan bukan Melayu (Stockwell, 2018). Di satu pihak, perkara tersebut bertujuan mempertahankan kedudukan politik Melayu sebagai penduduk asal dan teras pemerintahan tradisional manakala di pihak yang lain, perkara tersebut membuka ruang kepada komuniti imigran yang lama bermastautin untuk diiktiraf sebagai warganegara melalui proses yang lebih teratur (CO 323/1910/8, 1950). Dengan kata lain, formula tersebut cuba menyeimbangkan prinsip kesaksamaan sivil dengan sensitiviti politik dan demografi Tanah Melayu pasca-Perang Dunia Kedua (Stockwell, 2018). Walaupun isu kewarganegaraan terus menjadi medan perdebatan politik, kerangka Persekutuan Tanah Melayu 1948 terbukti lebih baik berbanding prinsip *jus soli* Malayan Union. Langkah tersebut berjaya meredakan ketegangan yang memuncak sewaktu era Malayan Union serta menyediakan asas institusional kepada pembentukan konsep kewarganegaraan yang lebih stabil (CO 323/1910/8, 1950). Perkembangan tersebut kemudiannya menjadi landasan penting dalam rundingan menuju kemerdekaan dan pembentukan negara bangsa pada 1957.

Oleh demikian, Persekutuan Tanah Melayu 1948 ditafsirkan sebagai sebuah model federalisme kompromi yang meningkatkan legitimasi politik dalam konteks masyarakat majmuk. Dengan menggabungkan institusi tradisional ke dalam kerangka pentadbiran moden dan memperkenalkan pembahagian kuasa yang lebih seimbang, struktur tersebut berjaya mengurangkan kemarahan masyarakat Melayu seperti yang berlaku semasa pengisytiharaan Malayan Union (CO 537/4790, 1949). Walaupun Persekutuan Tanah Melayu 1948 masih berada dalam lingkungan kolonial, model pentadbiran tersebut menjadi asas institusi yang lebih kukuh dan sesuai untuk negara pelbagai kaum, sekali gus menjadi landasan penting kepada pembentukan negara merdeka pada 1957.

#### IMPLIKASI TERHADAP ASAS KEMERDEKAAN

Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948 membawa implikasi yang jauh melangkaui pembetulan terhadap kelemahan Malayan Union. Pentadbiran tersebut menandakan fasa penting dalam proses politik, penggubalan perlembagaan dan pembentukan negara bangsa yang akhirnya memuncak dengan kemerdekaan pada 1957. Dalam kerangka pembentukan negara, Persekutuan Tanah

Melayu harus ditafsirkan sebagai asas institusional yang menyediakan landasan bagi perkembangan politik berperlembagaan (Koh Keng We, 2020). Struktur Persekutuan yang diperkenalkan mewujudkan mekanisme tadbir urus, saluran perwakilan, serta amalan perundingan politik yang kemudiannya berkembang secara progresif menjelang kemerdekaan. Proses tersebut memuncak dengan pengisytiharan kemerdekaan pada 1957, sekali gus menegaskan bahawa Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan ‘batu asas’ kepada pembentukan negara bangsa yang berdaulat.

Selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948, situasi politik memperlihatkan berlakunya perkembangan pesat terhadap organisasi politik di Tanah Melayu. Sebelum belakunya penentangan terhadap Malayan Union, politik masyarakat Melayu lebih bersifat kenegerian dan perjuangannya bukan dalam konteks Tanah Melayu itu sendiri (Muhammad Naim Fakhirin, 2025). Namun selepas Kongres Melayu Ketiga yang diadakan pada 11 Mei 1946 menyaksikan politik di Tanah Melayu menjadi lebih tersusun dan berorientasikan perwakilan. Penubuhan dan pengukuhan parti-parti politik, termasuk UMNO, menjadi platform utama gerakan politik masyarakat Melayu (Muhammad Naim Fakhirin, 2025). Dalam masa yang sama, kerjasama antara kaum mula dibentuk melalui perundingan dan pembentukan pakatan politik antara elit Melayu dan bukan Melayu. Budaya politik rundingan tersebut mengubah landskap politik daripada bentuk konfrontasi terbuka kepada pendekatan kompromi dan konsensus, sekali gus membentuk tradisi politik yang menjadi ciri penting menjelang kemerdekaan.

Dari perspektif perubahan perlembagaan, Persekutuan Tanah Melayu 1948 menyediakan kerangka institusi yang memungkinkan perkembangan sistem perwakilan secara berperingkat. Struktur Majlis Legislatif Persekutuan membuka ruang kepada penglibatan politik yang lebih luas, yang kemudiannya membawa kepada penganjuran Pilihan Raya Persekutuan 1955 sebagai pilihan raya umum pertama di peringkat Persekutuan (Harper, 1999). Kejayaan pilihan raya tersebut memperkukuh legitimasi kepimpinan tempatan dan membuka jalan kepada rundingan kemerdekaan dengan British, termasuk perundingan di London yang memuktamadkan tarikh dan syarat kemerdekaan. Proses secara tidak langsung memperlihatkan kesinambungan antara struktur Persekutuan Tanah Melayu 1948 dengan kemerdekaan 1957 dari segi institusi dan prosedur

perlembagaan. Dalam konteks pembentukan negara bangsa, model federalisme yang diperkenalkan pada 1948 berfungsi sebagai kompromi etno-politik yang mengimbangi kedudukan Raja-raja Melayu, kepentingan komuniti bukan Melayu dan kepentingan pentadbiran pusat (Ahmad Farid Abd Jalal et. al, 2024). Konsep federalisme tersebut bukan sahaja menyusun pembahagian kuasa pusat-negeri, tetapi juga membentuk prinsip kewarganegaraan yang lebih terkawal dan berasaskan syarat tertentu. Pendekatan tersebut membantu meredakan ketegangan demografi dan politik yang timbul semasa era Malayan Union, sekali gus membentuk asas kontrak sosial yang menjadi teras negara merdeka.

Oleh demikian, Persekutuan Tanah Melayu 1948 bukan sahaja bertindak sebagai ‘nafas baharu’ terhadap kegagalan Malayan Union, tetapi sebagai kerangka institusi yang membentuk struktur asas negara merdeka pada 1957. Melalui penginstitutionan politik perwakilan, pengukuhan federalisme dan penstrukturan semula terhadap prinsip kewarganegaraan, Persekutuan Tanah Melayu 1948 menjadi asas yang stabil bagi peralihan daripada pemerintahan kolonial kepada negara berdaulat.

#### PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948 DAN ASAS KESTABILAN POLITIK JANGKA PANJANG

Tempoh 1946-1948 ditafsirkan sebagai *critical juncture* dalam sejarah politik Tanah Melayu, iaitu detik persimpangan yang menentukan arah pembentukan institusi dan pemerintahan negara seterusnya. Penubuhan Malayan Union dan penggantinya dengan Persekutuan Tanah Melayu bukan sekadar perubahan pentadbiran, tetapi mencerminkan peralihan struktur kuasa, legitimasi dan prinsip kewarganegaraan (Han Huhe, 2025). Dalam kerangka teori institusional, keputusan yang diambil dalam tempoh singkat itu membentuk laluan bergantung (*path dependency*) yang mempengaruhi reka bentuk perlembagaan, hubungan etno-politik dan budaya rundingan sehingga kemerdekaan dan selepasnya (Harper, 1999). Justeru, 1946-1948 merupakan momen kritikal yang mengikat masa depan politik Tanah Melayu kepada model federalisme kompromi.

Persekutuan Tanah Melayu 1948 seterusnya dilihat sebagai model kestabilan politik jangka panjang. Dengan meletakkan kedudukan Raja-raja Melayu sebagai ‘Raja Berpelembagaan’, memperincikan pembahagian kuasa pusat-negeri

dan memperkenalkan kerangka kewarganegaraan yang lebih terkawal, struktur pentadbiran tersebut berjaya mengurangkan krisis legitimasi yang berlaku sebelumnya (CO 323/1910/8, 1950). Federalisme yang diperkenalkan berfungsi sebagai mekanisme pengimbangan antara autoriti pusat dan autonomi negeri, sekali gus menginstitusikan kompromi sebagai prinsip asas tadbir urus. Bentuk pentadbiran tersebut kemudiannya diwarisi dalam Perlembagaan 1957 dan menjadi tunjang kepada kestabilan politik pascakemerdekaan, walaupun sentiasa berhadapan dengan cabaran perubahan sosial dan ekonomi.

Hubungan antara kompromi kolonial dan nasionalisme tempatan turut memperlihatkan dinamika yang kompleks. British terpaksa menyesuaikan pendekatan mereka setelah berdepan dengan gerakan politik Melayu yang tersusun, terutamanya melalui UMNO (Harper, 1999). Dalam masa yang sama, nasionalisme tempatan berkembang bukan melalui revolusi radikal, tetapi melalui proses rundingan dan penyesuaian institusi (Chiung-Ju Huang & Yuan-Hong Ho, 2021). Implikasi daripada perkara tersebut adalah bentuk peralihan kuasa yang bersifat perubahan, iaitu persetujuan daripada British untuk membuka ruang kepada elit tempatan untuk memperkukuh tuntutan kedaulatan dan penglibatan dalam pentadbiran negara secara berperingkat.

Oleh yang demikian, Persekutuan Tanah Melayu 1948 wajar ditanggapi sebagai fasa kritikal dalam proses pembinaan negara dan bukan sekadar tindak balas pentadbiran terhadap kegagalan Malayan Union. Penubuhannya menyediakan kerangka institusi yang tersusun iaitu merangkumi pengukuhan struktur persekutuan, penyusunan semula hubungan antara negeri dan pusat, serta pembentukan mekanisme perundangan yang mempercepatkan transisi ke arah kemerdekaan dan kedaulatan (Muhammad Rahimi Hassan, 2020). Walaupun struktur tersebut masih mengekalkan dominasi kuasa kolonial, khususnya dalam bidang pertahanan, kewangan dan autoriti eksekutif tertinggi, konfigurasi baharu ini telah mewujudkan ruang politik yang memungkinkan perundingan, penyertaan elit tempatan dan artikulasi aspirasi nasional secara lebih tersusun.

Dalam konteks tersebut, Persekutuan Tanah Melayu 1948 harus dilihat sebagai medan peralihan yang mempertemukan kepentingan kolonial dengan tuntutan nasionalisme tempatan. Interaksi antara kedua-dua dimensi tersebut bukan sahaja menghasilkan kompromi politik yang tersusun,

malah membentuk asas institusi dan budaya politik yang kemudiannya dimantapkan menjelang kemerdekaan 1957 (Muhammad Naim Fakhirin, 2025). Justeru, analisis terhadap Persekutuan Tanah Melayu 1948 menuntut pendekatan yang seimbang melalui pengamatan bukan semata-mata sebagai kesinambungan struktur kolonial, tetapi sebagai proses perubahan institusi yang secara beransur-ansur membuka ruang kepada pembentukan negara berdaulat.

## KESIMPULAN

Secara konklusinya, kajian ini merumuskan peralihan daripada Malayan Union kepada Persekutuan Tanah Melayu 1948 bukan sekadar perubahan pentadbiran, tetapi proses pembinaan semula institusi yang membentuk asas struktur negara merdeka. Kegagalan Malayan Union berpunca daripada krisis politik akibat pemusatan kuasa yang mengabaikan institusi tradisional dan sensitiviti politik tempatan. Sebaliknya, Persekutuan Tanah Melayu 1948 memperkenalkan model federalisme yang memulihkan peranan Raja-raja Melayu, memperincikan pembahagian kuasa pusat-negeri dan menyemak semula prinsip kewarganegaraan secara lebih terkawal. Perubahan tersebut secara tidak langsung menerapkan budaya politik rundingan dan menyediakan kerangka perlembagaan yang menjadi asas kepada kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957. Oleh demikian, penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 menjadi batu asas terhadap pembentukan negara pascakolonial dengan menekankan kepentingan pembaharuan institusi dan fasa penting dalam menentukan perkembangan pembangunan politik. Dalam konteks Tanah Melayu, tindakan tersebut memperlihatkan bahawa pembinaan negara tidak berlaku secara revolusi, tetapi melalui proses perundingan iaitu kompromi elit dan penyesuaian struktur kolonial kepada tuntutan nasionalisme tempatan. Pendekatan tersebut secara tidak langsung memperkayakan wacana pembentukan negara dengan menunjukkan hubungan pemerintahan tradisional dan pentadbiran moden dapat menghasilkan kestabilan politik jangka panjang dalam konteks masyarakat majmuk.

## RUJUKAN

- Adair-Toteff, C. 2021. *Max Weber and the Path from Political Economy to Economic Sociology*. New York: Taylor & Francis.

- Ahmad Farid Abd Jalal, Ahnaf Wafi Alias, Siti Maimunah Kahal & Rahimin Affandi Abd Rahim. 2024. Muzium Pahang dan Isu Penjajahan British di Tanah Melayu (Pahang Museum and British Colonial Issues in Malaya). *International Journal of the Malay World and Civilisation* 12(1): 87-97.
- Azfar, M. R., Muslim, N., Khalid, K. A. T., & Yaacob, M. 2024. The Malaysian Social Contract: A Historical Perspective. *Journal of Ecohumanism* 3(3): 150–160.
- Chiung-Ju Huang, Yuan-Hong Ho. 2021. The Impact of Governance on Economic Growth in Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(1): 3-9.
- CO 323/1910/8. 1950. Federation of Malaya: Policy.
- CO 537/1566. 1946. Legislative Council: Malayan Union.
- CO 537/1572. 1946. British Military Administration Malaya: Monthly Reports.
- CO 537/2142. 1947. Malayan Union: Policy.
- CO 537/4790. 1949. Political developments: influence of Dato Onn and UMNO in Malayan politics.
- CO 725/100/13. 1949. Federation of Malaya Order in Council, 1948.
- CO 875/292. 1949. The Economy of the Federation of Malaya.
- CO 882/17. 1940. Malay States: 'Policy of decentralization and constitutional reorganization'.
- CO 1030/234. 1953. Political situation in Federation of Malaya.
- CO 1030/356. 1957. Legislation to amend Federation of Malaya Agreement 1948.
- CO 1071/245. 1947. Malayan Union: Colonial Reports.
- Edwards, A. 2023. *A People Under Siege: The Unionists of Northern Ireland, from Partition to Brexit and Beyond*. Dublin: Irish Academic Press.
- Fatimah Kuzi. 2024. The Malayan Emergency Threats to Malaysia's National Security. *International Journal of Law Government and Communication* 9(37): 165-175.
- Goh, A. T. 2025. Malayan New Villages: Re-imagining the Better Way of Life. *Brazilian Journal of Development* 11(5): 1-29.
- Han Huhe. 2025. The Sabah Factors in the Malaysian Nation-State Construction: Identity Confusion, Nationalism and Migrants (Faktor Sabah dalam Pembinaan Negara-Bangsa Malaysia: Kekeliruan Identiti, Nasionalisme dan Migran) *International Journal of the Malay World and Civilisation* 13(1): 80-92.
- Harper, T. N. 1999. *The End of Empire and the Making of Malaya*. London: Cambridge University Press.
- Heywood, A. & Whitham, B. 2023. *Global Politics*. New York: Bloomsbury Publishing.
- Kenneison, R. 2019. *The Special Operations Executive in Malaya: World War II and the Path to Independence*. London: Bloomsbury Publishing.
- Keo, B. Z. 2025. *Imagining Malaya: Peranakan Cosmopolitanism, Nationalism, and Belonging at the End of Empire, 1945–1957*. London: Oxford University Press.
- Koh Keng We. 2020. Traditionalism and the ascendancy of the Malay ruling class in colonial Malaya. *Journal of Southeast Asian Studies* 51(1): 305-307.
- Lau, Albert. 1991. *The Malayan Union Controversy, 1942-1948*. London: Oxford University Press.
- Muhammad Naim Fakhirin. 2025. Tinjauan Awal Terhadap Tindakan British Dalam Usaha Berkaitan Proses Berkerajaan Sendiri di Singapura, 1948-1959. *e-BANGI Journal* 22 (2): 64-74.
- Muhammad Rahimi Hasan. 2020. Emansipasi dan Nasionalisme dalam Politik Wanita Melayu Pra Merdeka: Sorotan Memoir Khatijah Sidek, Aishah Ghani dan Shamsiah Fakeh. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(1): 17-27.
- Nakamura, M. 2026. Malaysia: The Emergence of a Multi-ethnic Democracy Under British Influence in Kasuya, Y. *Decolonization and Regime Change in Asia: Historical Origins of Democracy and Dictatorship*. Singapore: Springer Nature.
- Rudner. 2025. The Evolving Political Economy of Malaya's Rubber Development from Colonial Times to Independence in Sultan Nazrin Shah (Ed.). 2025. *Chronicling Themes in the Economic and Social History of Malaysia*. Singapore: World Scientific Publishing.
- Soda, N. 2021. *Conceptualizing the Malay World: Colonialism and Pan-Malay Identity in Malaya*. Tokyo: Kyoto University Press.
- Stockwell, S. 2018. *The British End of the British Empire*. London. Cambridge University Press.
- Wan Ahmad Fauzi. 2025. *The Malay Rulers: Their Position and Article 38(4)*. Kuala Lumpur: ISTAC-IIUM Publications.
- WO 203/5642. 1945. Political climate: interviews by British Military Administration with Malay Sultans.